



KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT/GS 1000-632 (6)
Tarikh : 24 Januari 2022

SEMUA KETUA EKSEKUTIF INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN BERKAITAN PELAKSANAAN KURSUS PENGAJIAN SECARA PESIRIR (*OFFSHORE*) DI LUAR NEGARA OLEH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan bahawa setiap IPTS yang ingin menawarkan program pesisir (*offshore*) terutamanya secara konvensional serta terbuka dan jarak jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) yang melibatkan penubuhan pusat wilayah di luar negara perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi sebelum pengendalian program pesisir (*offshore*) dilaksanakan.

3. Bagi pelaksanaan kursus pengajian secara pesisir (*offshore*), IPTS hendaklah mengemukakan beberapa dokumen pemakluman seperti berikut:-

- 3.1 Dokumen sokongan atau surat kelulusan dari badan berautoriti negara berkenaan kepada KPT sebagai bukti kelulusan penubuhan pusat wilayah yang telah didaftarkan di bawah badan berkuasa negara berkenaan.
- 3.2 Dokumen Memorandum Persefahaman/Memorandum Perjanjian (MoU/MoA) yang telah dibuat secara bersama; dan
- 3.3 Surat lantikan tenaga pengajar mestilah dibuat oleh IPTS sendiri dan bukan lantikan pihak ketiga. Pensyarah yang dilantik juga perlulah mempunyai permit mengajar yang berdaftar di bawah pihak kementerian.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : MY-QMS 02079

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 02079

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 02079

4. Surat pemakluman ini akan berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Kegagalan pihak IPTS untuk mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan akan menyebabkan pengesahan sijil tidak akan dilaksanakan. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' PROF. DR. HUSAINI B. OMAR)

s.k. :

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
2. Ketua Pengawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
3. Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
4. Pengarah
Bahagian Standard Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
5. Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
Jabatan Pendidikan Tinggi